

**PENGHAPUSAN LILIN : SUMBANGANNYA DALAM
PERUSAHAAN TEMBAGA DI TERENGGANU**

AIDA BINTI AHAMAD

98187361

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI LUKIS DAN SENI REKA
(LOGAM HALUS)**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

40450 , SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

SESI 2001~ 2002

PENDAHULUAN

Penulisan tesis ini dihasilkan untuk mengkaji tentang sumbangan teknik tuangan lilin dalam penghasilan barangan tembaga di Terengganu. Dimuatkan juga teknik – tekniknya satu persatu yang mana menggunakan kaedah penghapusan lilin yang masih dikekalkan penggunaannya sejak dari dahulu lagi. Teknik ini hanya berbeza pada peringkat akhir yang mana menggunakan mesin dalam pengemasan barangan.

Kewujudan teknik tuangan sebenarnya telah membuka satu lembaran baru terhadap industri logam. Dewasa ini, persaingan pengeluaran produk yang berasaskan logam amat menggalakkan yang mana memerlukan mutu produk yang tinggi. Ini di buktikan dengan kewujudan pelbagai industri – industri baru berasaskan logam dari semasa ke semasa. Tuangan merupakan teknik yang penting untuk penghasilan produk logam yang bermutu tinggi.

Selain mengenal pasti teknik penghapusan lilin yang digunakan juga di muatkan tentang keistimewaan tuangan tembaga di Terengganu. Sebenarnya barangan tembaga di Terengganu mempunyai kelebihan dan berbeza daripada tuangan tembaga di tempat lain.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah ,syukur kehadiran Ilahi dengan berkat serta limpah kurnianya akhirnya saya berjaya menghasilkan tesis ini. Sesungguhnya ia amat memerlukan kesabaran dan kecekalan untuk menghasilkannya.

Pertama sekali,ucapan jutaan terima kasih buat ayahanda dan bonda, dan Sesungguhnya doa dan galakan yang kalian berikan amat berharga dan akan menjadi pedoman hingga ke akhir hayat. Begitu juga terima kasih kepada abang – abang yang banyak memberi tunjuk ajar.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Zahari selaku penasihat dan pembimbing yang turut menjayakan penulisan tesis ini. Tidak ketinggalan juga, buat para pensyarah di Jabatan Senireka Logam Halus, iaitu Prof. Madya Alias Yusuf ketua kursus Senireka Logam Halus, Prof. Madya Mohainee Khalid dan Pn Fuziah.

Ucapan jutaan terima kasih juga kepada En.Omar b. Muhamad, En. Wan Mahadi bin. Wan Ismail, dan En Sulaiman Salleh pengusaha tembaga dari Kg. Ladang Terengganu yang banyak memberikan kerjasama dalam menjawab soalan yang saya ajukan.

SINOPSIS

Secara keseluruhannya, tesis ini merangkumi enam bab. Penekanan dalam tesis ini diberi kepada teknik penghapusan lilin yang dijalankan di Terengganu dalam penghasilan barangan tembaganya. Ini adalah kerana teknik tuangan jenis ini telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat Terengganu. Disamping itu juga dimuatkan serba sedikit tentang sejarah tuangan. Dalam bab pertama, diberi penerangan tentang sejarah tuangan. Selain itu bab ini memberi penerangan tentang tuangan tembaga serta huraian tentang sejarahnya. Masalah yang timbul dan ingin dihuraikan juga dimasukkan didalam bab ini. Bab kedua pula menghuraikan mengenai Terengganu sebagai pusat penghasilan barangan tembaga, faktor pengeluaran dan rekabentuknya. Masalah pengusaha juga dimasukkan yang mana amat memberi kesan kepada pengeluaran barangan tembaga di negeri ini. Bab ketiga adalah mengenai teknik penghapusan lilin bahan dan peralatan yang digunakan. Huraian penghasilannya juga diperjelaskan satu persatu. Di dalam bab empat di huraikan pula mengenai kegemilangan, keistimewaan dan sumbangan teknik penghapusan lilin dahulu dan sekarang. Bab lima adalah mengenai saranan pada permasalahan yang dihadapi

JADUAL ISI KANDUNGAN**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

Halaman Pemeriksa

Pendahuluan

Penghargaan

II

Sinopsis - Hipotesis

IV

- Tujuan Kajian

VII

- Skop Kajian

IX

- Kaedah Kajian

X

- Keputusan

XI

- Kesimpulan

XIII

Senarai Sisipan

XIV

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Sejarah Tuangan

2

1.3 Tuangan Tembaga

4

1.4 Pernyataan Masalah

9